

BAHAGIAN 1 - PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN

RINGKASAN EKSEKUTIF

Jabatan Pelesenan adalah sebuah jabatan di bawah organisasi Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Jabatan Pelesenan berfungsi sebagai jabatan yang mengawal dalam pengeluaran lesen atau permit perniagaan di dalam daerah Hulu Selangor. Semua lesen atau permit yang dikeluarkan hendaklah mengikut syarat dan spesifikasi yang ditetapkan terutama bagi pengeluaran permit secara berkelompok seperti Bazar Ramadan. Keadaan ini memerlukan Jabatan Pelesenan menetapkan tempoh masa yang sesuai dari bermulanya permohonan dibuat sehingga pengeluaran permit.

Bazar Ramadan pula adalah merujuk kepada aktiviti perniagaan di satu lokasi strategik pada bulan Ramadan dan ada juga yang memanggil ianya sebagai **Syurga Makanan**. Pelbagai juadah moden dan tradisional dijual. Lokasi yang sentiasa menjadi tumpuan ramai di daerah Hulu Selangor ini adalah Batang Kali, Bukit Sentosa dan Bukit Beruntung. Menteri Pelancongan Malaysia, Datuk Seri Dr Ng Yen Yen berharap kewujudan bazar Ramadan di Malaysia dapat menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia terutama dari Timur Tengah. Ia merupakan produk pelancongan untuk dikongsikan dengan seluruh dunia.

Seiring dengan kemajuan dan matlamat kerajaan dalam merealisasikan masyarakat Madani, pembangunan dan penambahbaikan permohonan bazar ramadan juga perlu mengorak langkah ke hadapan di mana permohonan bazar Ramadan yang sebelum ini menggunakan borang dalam permohonan, boleh ditukarkan kepada sistem yang lebih mudah dan efektif.

Sistem ini mula dibangunkan pada akhir tahun 2019 dan mula digunakan pada tahun 2020, walaupun pada tahun tersebut dunia dikejutkan dengan wabak covid-19. Jabatan Pelesenan telah lebih awal mewujudkan sistem permohonan bazar ramadan atau dikenali Sistem **E-BAZAR** sebagai pemudahcara bagi menggantikan borang permohonan bazar dan mengelakkan peniaga perlu hadir ke kaunter berulang kali untuk membuat permohonan bazar ramadan.

Sistem ini telah digunakan sejak tahun 2020 sehingga ke hari ini banyak penambahbaikan telah dilakukan dan dibuat bagi memenuhi keperluan semasa. Sistem **E-BAZAR** ini telah membantu seramai 385 peniaga bazar ramadan di Hulu Selangor dalam membuat permohonan permit pada tahun 2023.

1.1 Pengenalan Kumpulan

Sehubungan dengan itu, Jabatan Pelesenan telah menubuhkan satu kumpulan yang diberi nama FKS 1.0 yang terdiri daripada empat orang kakitangan Jabatan Pelesenan. Kumpulan ini ditubuhkan pada tahun 2021 dalam mengambil inisiatif **merancang, dan menyiapkan** satu sistem permohonan bazar atas talian **dengan kerjasama vendor yang dilantik**.

1.2 Nama Inovasi

Sistem permohonan bazar atas talian atau dikenali E- Bazar telah digunakan sejak tahun 2020 bagi memenuhi keperluan semasa. Sistem **E-BAZAR** ini telah membantu lebih kurang 300 hingga 400 peniaga bazar ramadan di Hulu Selangor setiap tahun.

1.3 Bidang dan Kategori Projek

E-Bazar dihasilkan untuk menjimatkan penggunaan kertas dalam pemberian borang, mempercepatkan proses lesen dalam menyediakan kelulusan tapak Bazar Ramadan dan menjimatkan masa serta mengurangkan pelanggan di kaunter dengan menggunakan sistem E-Bazar dalam proses penyampaian perkhidmatan yang lebih efektif.

1.4 Sokongan dan Kelulusan Pihak Pengurusan Tertinggi dan Agensi Terlibat

Setiap tahun, sebelum melaksanakan program Bazar Ramadan, satu kertas kerja akan dibuat untuk mendapatkan kelulusan daripada pengurusan tertinggi. Sehubungan dengan itu, kertas kerja yang dibuat akan dibawa masuk ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Kawalan Perniagaan. *(Lihat lampiran A)*

BAHAGIAN 2 – (SIGNIFIKASI PROJEK DAN PEMBUKTIAN)

2.1 KAITAN DENGAN FUNGSI UTAMA JABATAN / ORGANISASI

Peranan utama Jabatan Pelesenan adalah melaksanakan dan mengeluarkan lesen atau permit perniagaan di dalam Daerah Hulu Selangor, sebelum lesen atau permit perniagaan dikeluarkan, Jabatan Pelesenan perlu memastikan semua ulasan dan pandangan daripada jabatan teknikal yang terlibat hendaklah lengkap dan bersesuaian dengan keadaan sekitar kawasan yang dipohon. Manakala pelaksanaan dan pengeluaran permit bazar Ramadan perlu dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan Majlis Perbandaran Hulu Selangor.

Permohonan bazar Ramadan dikategori sebagai permohonan bermusim di mana pelesenan akan menerima permohonan mengikut bilangan tapak yang disediakan dalam kuantiti yang banyak. Sehubungan dengan itu ahli kumpulan FKS 1.0 ditubuhkan untuk memastikan keberkesanan proses permohonan yang bakal diterima dalam tempoh yang singkat.

2.2 MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN DAN PEMEGANG TARUH

Jabatan telah melaksanakan kaji selidik bersama 128 orang responden yang terdiri daripada peniaga Bazar Ramadan dari sembilan(9) kawasan yang ditawarkan pada tahun 2023. Lebih daripada 50% responden berpuas hati dengan adanya sistem ini. **(Lampiran B)**

2.3 SEJAJAR DENGAN AGENDA DAN MATLAMAT NASIONAL

Pendekatan pembangunan sistem merupakan salah satu usaha untuk menyahut saranan negara dalam membudayakan kemahiran baru berasaskan teknologi maklumat dan bertujuan menggalakkan penggunaan teknologi digital dalam kalangan peniaga bazar ramadan. Selaras dengan agenda kerajaan negeri kearah '*cashless society 2023*' serta menjayakan hasrat Sustainable Development Goals (SDG) 9 iaitu membina infrastruktur kukuh, mempromosikan industri yang menyeluruh dan mampan dan merangsang inovasi. Peningkatan jumlah peniaga juga telah membantu meningkatkan ekonomi Hulu Selangor. Penggunaan yang meluas tentunya dapat merancakkan ekonomi negara.


2.4 KAITAN DENGAN KEADAAN DAN EKOSISTEM SEMASA

Penggunaan inovasi e bazar adalah sangat relevan dengan hasrat kerajaan untuk memperkasakan e-Government. Sistem ini akan diperluaskan dengan cloud computing bagi memudahkan perkongsian data dan maklumat antara Pihak berkuasa Tempatan di Malaysia serta agensi -agensi kerajaan yang lain.

2.5 KAEDAH PEMILIHAN PROJEK DAN ANALISIS

Berikut adalah proses kaedah yang digunakan oleh kumpulan bagi mengenalpasti ***pemilihan projek dan analisis yang dilaksanakan.***


Rumusan Kaji Selidik bersama 128 orang responden. (Lampiran C)




Kesimpulan berdasarkan kaedah pemilihan projek, kumpulan mendapati bahawa proses kerja kelulusan permohonan Bazar Ramadan adalah tidak efektif.

2.6 PERNYATAAN SASARAN OUTCOME DAN IMPAK

- i. Peningkatan kadar kelulusan permohonan permit bazar yang lengkap daripada 50% kepada 100%



- ii. Penetapan objektif cara permohonan yang menjimatkan masa.



Data Bazar Ramadan Hulu Selangor. (Lampiran 3)

2.6.1 Berdasarkan kepada rajah di atas sebanyak 77 orang responden bersetuju bahawa proses kelulusan petak bazar ramadan mengambil masa yang lama melalui kaedah penghantaran borang daripada 51 orang responden yang tidak bersetuju.


BAHAGIAN 3 – (TINDAKAN PENYELESAIAN)

3.1 STRATEGI PENYELESAIAN KREATIF TERMASUK APLIKASI PENGGUNAAN TOOLS

3.1.1. Definisi masalah bagi **proses kerja kelulusan permohonan Bazar Ramadan yang tidak efektif menggunakan** kaedah 5W 1H seperti berikut :



3.1.2 Berdasarkan kepada rajah tulang ikan (Rajah Ishikawa) di bawah, masalah-masalah yang berkaitan dengan kelewatan proses lesen dalam menyediakan kelulusan tapak bazar ramadan .



3.1.3 Kumpulan telah menggunakan kaedah verifikasi punca (sila rujuk lampiran 6) bagi mengenalpasti punca - punca masalah paling mungkin. Kumpulan telah mengenalpasti 2 punca paling mungkin iaitu:

- i. Proses kerja yang tidak efisien
- ii. Pengeluaran permit dan carian maklumat secara manual


3.1.4 Kumpulan menggunakan Teknik Pro & Kontra (lampiran 8) dua cadangan alternatif iaitu:

- i. Permohonan manual kepada sistem atas talian
- ii. Mendapat kelulusan dalam mesyuarat jawatankuasa pelesenan untuk membangunkan sistem E- Bazar.

3.1.5 Berdasarkan analisa yang telah dibuat kumpulan telah membangunkan sistem E-Bazar sebagai jalan penyelesaian. Sistem E - bazar juga telah mendapat kelulusan dalam Mesyuarat jawatankuasa pelesenan

3.2 PENGHASILAN DAN PELAKSANAAN PROJEK


Kumpulan telah menggunakan kaedah verifikasi punca (sila rujuk lampiran) bagi mengenal pasti punca - punca masalah paling mungkin. kumpulan telah mengenal pasti 2 punca paling mungkin iaitu:



3.3 PERAKUAN DARIPADA PIHAK BERTAULIAH / PIHAK BERKUASA

- i. E-bazar mendapat perakuan daripada ahli jawatankuasa Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan dan Kawalan Perniagaan dalam melaksanakan sistem E-Bazar ini dan pihak akhbar Selangor Kini telah membuat hebahan berkenaan permohonan boleh dibuat melalui atas talian (*Lampiran 10*)

- ii. Jabatan Perbendaharaan juga adalah salah satu jabatan yang memberi perakuan kerana sistem ini dapat menggalakkan pembayaran secara atas talian dan pembayaran tanpa tunai.



3.4 PELAKSANAAN INOVASI

- i. Sistem E-Bazar telah dilancarkan selepas dua ujicuba dilaksanakan.
- ii. Sistem E-Bazar merupakan sistem berasaskan web yang menggunakan teknologi internet (pengguna dan web server) di mana sistem boleh dicapai di dalam lingkungan yang tidak terhad. Sistem ini dibangunkan berasaskan web dimana setiap capaian maklumat ke atas pangkalan data hanya dibenarkan dengan menggunakan kata laluan yang perlu permohonan daftarkan.
- iii. Penggunaan secara menyeluruh oleh peniaga – peniaga Bazar Ramadan adalah bermula pada tahun 2020 tetapi tidak dapat digunakan sehingga pengeluaran permit kerana berlaku pandemik Covid-19 ketika itu.
- iv. Sistem ini mendapat perhatian beberapa agensi yang membangunkan sistem pembayaran tanpa tunai seperti Boost, Touch n Go dan PLATS. Majlis Perbandaran Hulu Selangor juga merupakan Pihak Berkuasa Tempatan

pertama yang menggunakan bayaran tanpa tunai dalam kalangan peniaga Bazar Ramadan.



- v. Dengan adanya sistem E - Bazar ini, data yang diperlukan oleh agensi yang berkaitan dapat diberikan dengan lebih tepat dan cepat.


BAHAGIAN 4 – (OUTCOME PROJEK)

4.1 PENCAPAIAN OUTCOME DAN PEMBUKTIAN

Peningkatan kadar kelulusan permohonan permit bazar yang lengkap daripada 50% kepada 100%

Graf 4.1

ADAKAH PROSES KELULUSAN BAZAR RAMADAN ANDA MENGAMBIL MASA YANG LAMA?




- i. Berdasarkan graf kelulusan dapat disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan iaitu sebanyak 100%. (rujuk graf 4.1)


- ii. Proses kerja kelulusan permohonan permit Bazar Ramadan dapat dikurangkan daripada 12 proses kerja utama kepada sembilan(9) proses kerja utama. (rujuk lampiran 5)
- iii. Tempoh masa penyediaan data dan dokumen yang berkaitan dapat dihasilkan dengan kadar segera.

Penetapan objektif cara permohonan yang menjimatkan masa.

Graf 4.2




- iv. Kaedah permohonan permit bazar ramadan melalui sistem E- Bazar adalah lebih menjimatkan masa dan efisien.(rujuk graf 4.2)
- v. Berdasarkan graf di bawah, dengan adanya sistem E-Bazar ini, jualan tapak yang ditawarkan meningkat daripada 84.6% kepada 95.6%. Apabila jualan tapak meningkat, hasil kutipan juga turut meningkat dan KPI yang ditetapkan dapat ditingkatkan mengikut sasaran.



- vii. Pengurangan penggunaan tenaga kerja sumber manusia. Rumuskan bilangan staff. (**Proses kerja mengikut proses di lampiran 5**)

PROSES LESEN	SEBELUM PENGGUNAAN SISTEM	PROSES LESEN	SELEPAS PENGGUNAAN SISTEM
Dua – Tiga	1 atau 2 orang di kaunter	Tiga	Pembahagian mengikut Kawasan kepada 5 orang dalam tempoh satu hari (Sabtu sahaja)
Empat – Lima	Pembahagian mengikut kawasan kepada 5 orang kakitangan dalam tempoh 7 hari termasuk sabtu dan ahad	Empat dan enam	Seorang sahaja
Enam – Lapan	6 orang kakitangan termasuk jabatan luar	Lapan	10 orang kakitangan Jabatan Pelesenan
Sembilan	2 orang kakitangan	Sembilan	Seorang sahaja
Sepuluh	15 orang kakitangan Bersama 10 orang penguatkuasa untuk kawalan		
Sebelas	Pembayaran melibatkan kaunter bayaran		
Dua Belas	2 hingga 3 orang		

- viii. Peningkatan penggunaan sistem pembayaran secara atas talian secara tidak langsung telah mencapai salah satu kriteria indikator audit penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT). (rujuk lampiran 12)
(letak graf peningkatan pembayaran)



4.2 FAEDAH SAMPINGAN (LUAR JANGKA)


Kos tersembunyi (permohonan) dapat dikurangkan dengan melaksanakan sistem ini secara tidak langsung memberi impak kepada kepuasan pekerja dan peniaga. (rujuk lampiran 9)

(a) Proses Perlaksanaan

Proses Perlaksanaan	Manual	E-Bazar
Masa Tempoh mohon & tempoh kelulusan	60 hari	45 hari
Kos Kos operasi	Penyediaan borang, surat kelulusan, bil dan permit, cetakan dan pengeposan dokumen	Melalui sistem atas talian
Tenaga Manusia Sediakan edaran, follow-up, kemaskkini dan surat kelulusan	Kakitangan Pelesenan dan jabatan lain majlis yang terlibat dalam penyediaan borang, surat kelulusan, bil dan permit, follow-up, pengemaskini, laporan	Bil dan permit akan dikemukakan melalui sistem dan dicetak sendiri oleh peniaga bazar
Produktiviti Sebagai tugas hakiki pekerja	Kakitangan Pelesenan perlu menyediakan, menghantar dan pengisian borang	Person – in Charge (PIC) diisi atas talian
Keputusan Pengesahan oleh pengarah jabatan	Keputusan melalui surat	Keputusan atas talian
Birokrasi Proses Kerja (Sila rujuk lampiran 5)	12 proses	9 proses

- (b) Edaran pautan sistem E- Bazar melalui portal rasmi Majlis Perbandaran Hulu selangor memudahkan pihak peniaga membuat permohonan secara terus. Penerimaan Data yang Cepat, Sahih dan Efisien mempercepatkan proses semakan dan kelulusan permit
- (c) Dengan adanya E-bazar, kos operasi pejabat, pencetakan borang serta tenaga pekerja untuk memproses permohonan dapat dijimatkan.
- (d) Permohonan permit bazar dapat dilaksanakan tanpa mengira tempat dan masa melalui penggunaan *single touch dengan telefon pintar*.
- (e) Data-data yang diperolehi disimpan dalam cloud dan berupaya memastikan data tidak hilang serta memudahkan capaian data (data retrieval).
- (f) Sistem digital ini berjaya mengurangkan proses kerja daripada 12 proses kerja secara manual kepada hanya 9 proses kerja sahaja dilaksanakan secara atas talian.

4.3 IMPAK LUAR JANGKA




BAHAGIAN 5 – (IMPAK PROJEK)

5.1 PENCAPAIAN IMPAK DAN PEMBUKTIAN



5.2 FAEDAH SAMPINGAN (LUAR JANGKAAN)

i. KESAN JANGKA PANJANG



BAHAGIAN 6 – (POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI)


6.1 TAHAP KETERSEDIAAN SISTEM

- Sistem E-Bazar telah digunakan sepenuhnya di Jabatan sebelum bermulanya tempoh kawalan pergerakan (PKP) sehingga sekarang.
- Sistem ini berfungsi dengan jayanya melalui seliaan pegawai yang dipertanggungjawabkan oleh seorang pegawai dalam merekod data dan meluluskan pengeluaran permit.
- Sistem ini telah sepenuhnya digunakan oleh peniaga bazar secara atas talian dan telah sedia digunakan dengan tetapan telefon pintar (mobile friendly)
- Terdapat berbagai isu dan cabaran dapat diselesaikan - rujuk lampiran

6.2 CADANGAN PENAMBAHBAIKAN SISTEM E- BAZAR

- Pihak pengurusan berharap agar projek E-Bazar ini diteruskan dan ditambahbaik dengan beberapa elemen tambahan seperti penambahan pembantu atau pertukaran pembantu.
- Elemen tambahan bagi pelaporan pematuan cagaran pemantauan peniaga bazar yang melibatkan Pejabat Kesihatan Daerah dan Penguatkuasa serta Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam(JPSPPA).

6.3 TAHAP REPLIKASI PENGKOMERSILAN



RUMUSAN

Sistem E-Bazar merupakan satu transformasi digital yang menjadi pemudahcara kepada jabatan dalam mengenalpasti kelemahan dan kekuatan terhadap perkhidmatan yang disampaikan. Menambah Baik perkhidmatan dengan mengambil kira keperluan persekitaran yang dinamik dilihat selaras dengan Misi Majlis Perbandaran Hulu Selangor iaitu meingkatkan kualiti kehidupan masyarakat Daerah Hulu Selangor dengan menyediakan pembangunan seimbang dan infrastruktur kondusif melalui tadbir urus yang cekap dan efisien. Sistem ini juga berpotensi menjadi inspirasi dan rujukan kepada proses permohonan permit atau lesen perniagaan yang lain dalam jabatan serta kepada agensi lain dalam memperkasakan sektor perkhidmatan awam.

LAMPIRAN 1



Minit Mesyuarat Lesen Bil 11/2022

[SULIT]

MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNAGAAN DAN KESIHATAN BIL. 11/2022

9.0 KERTAS KERJA CADANGAN PENGANJURAN BAZAR RAMADAN MAMPAN MPH5 2023 .

1. TUJUAN.

Kertas kerja ini dikemukakan bertujuan untuk mendapatkan kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Pemiagaan dan Kesihatan Majlis Perbandaran Hulu Selangor bagi penganjurian Bazar Ramadan Mampam MPH5 2023.

2. LATAR BELAKANG.

Program Bazar Ramadan Mampam MPH5 telah dimulakan pertama kalinya pada tahun 2012. Berdasarkan penganjurian pada tahun 2012 hingga 2022, didapati program tersebut adalah relevan untuk diteruskan selari dengan dasar Kerajaan Negeri Selangor bagi menaik taraf perkhidmatan kepada rakyat.

3. PELAKSANAAN

3.1 Antara lokasi Tapak Bazar Ramadhan Mampam 2023 seperti berikut:-

LOKASI TAPAK BAZAR RAMADHAN	JUMLAH PETAK SETELAH PENJARAKAN FIZIKAL
Tapak Penjaja JRD, Liga Mas Batang Kali	151
Tapak Pasar Pagi Taman Seri Balang Kali	50
Taman Cempaka, Serendah	50
Sebelah Medan Selera, Sungai Buaya	25
Tapak Pasar Malam, Bukit Sentosa	150
Jalan Seroja, Bukit Sentosa	80
Jalan Telipot, Bukit Sentosa	20
Antara Gapi, Serendah	35
Jalan Kantan, Bukit Beruntung	60
Jumlah Keseluruhan	621 Petak

MUKA SURAT 21

[SULIT]

MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNAGAAN DAN KESIHATAN BIL. 11/2022

3.4.3 Pengharaman Penggunaan Polisterina.

3.4.3.1 Selaras dengan dasar Kerajaan Negeri Selangor, penggunaan polisterina adalah dilarang sama sekali di semua tapak Bazar Ramadan yang terlibat.

3.4.4 Pengurangan Penggunaan Beg Plastik

3.4.4.1 Semua peniaga Bazar Ramadan akan diarahkan untuk mengenakan caj terhadap pelanggan bagi penggunaan beg plastik di Bazar Ramadan.

Walaupun bagaimanapun, terdapat pengecualian caj pada sesetengah penggunaan beg plastik seperti yang telah dipaparkan oleh Kerajaan Negeri Selangor, peniaga-peniaga akan diberikan taktik yang jelas bagi memastikan keberkesanan program.

3.4.5 Pemulangan Wang Caj Pematuhan

Pemulangan caj pematuhan hanya akan dilakukan selepas hari Raya Aidilfitri.

3.5 Implikasi terhadap operasi Pasar Malam MPH5 (Rabu & Sabtu) dan Pasar Tanj FAMA (Jumaat) di Tapak Pasar Malam Bukit Sentosa.

Sekiranya Kertas Kerja ini diuluskan, akan terdapat implikasi terhadap peniaga-peniaga Pasar Malam di Tapak Pasar Malam Bukit Sentosa.

Pihak Jabatan berpendapat, Tapak Pasar Malam tersebut perlu digunakan sepenuhnya untuk Bazar Ramadan pada tahun 2022 bagi memberi keselesaan kepada peniaga-peniaga Bazar Ramadan dan memudahkan urusan pentadbiran program Bazar Ramadan di lokasi tersebut.

Ini bermaksud, peniaga-peniaga Pasar Malam dan Pasar Tanj FAMA perlu memberi laluan kepada aktiviti Bazar Ramadan sepanjang Bulan Ramadan.

Notis makluman perlu dikeluarkan pada bulan Mac 2022 dan tapak berkenaan hendaklah dipasokkan bebas daripada menjadi tapak parkir lori-lori dan jentera industri sepanjang bulan Ramadan.

MUKA SURAT 25

[SULIT]

MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNAGAAN DAN KESIHATAN BIL. 11/2022

3.2 Makluman Kepada Orang Awam:

3.2.1 Iktian-iklan akan mula dipaparkan melalui pemasangan kain rentang di lokasi-lokasi strategik di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Hulu Selangor mulai 09 Januari 2023.

3.2.2 Iktian juga akan dipaparkan di laman web dan media sosial Majlis Perbandaran Hulu Selangor.

3.3 Permohonan, Cabutan dan Taklimat.

3.3.1 Permohonan hanya menggunakan sistem atas talian sahaja.

3.3.2 Pemohon perlu melengkapkan dan menghantar permohonan sebelum 09 Februari 2023.

3.3.3 Keputusan akan dimumumkan kepada pemohon yang berjaya / tidak Berjaya sebelum 20 Februari 2023.

3.3.4 Tarikh pembayaran permit bermula pada 20 Februari 2023 – 03 Mac 2023.

3.3.5 Kadar permit bazar Ramadhan adalah seperti berikut:-

- I. Permit : RM200.00 / Petak
(Tambahan RM 50.00 bagi jualan air tebu/ air kelapa/ bakar / panggang)
- II. Caj Pematuhan : RM 300.00

3.3.6 Sesi undian petak dan taklimat akan diadakan pada keletapan seperti berikut.

Tarikh : 05 & 06 Mac 2023

Tempat : Dewan Dato' Abdul Hamid Batang Kali

Masa : 8.00 pagi – 1.00 Petang

3.3.7 Pembayaran juga melalui atas talian dengan menggunakan system E - billing dan perlu dijelaskan sebelum sesi undian dijalankan.

3.4 LAIN-LAIN

3.4.1 Penggunaan pelat / alatan yang bersesuaian bagi jualan bakar / panggang

3.4.2 Peniaga bazar Ramadhan perlu menyediakan lapik / alatan yang bersesuaian bagi menjaga kebersihan tapak.

MUKA SURAT 22

[SULIT]

MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNAGAAN DAN KESIHATAN BIL. 11/2022

4. CADANGAN.

Jabatan Pelesenan Majlis Perbandaran Hulu Selangor mencadangkan agar kertas kerja ini diterima bagi meneruskan kesinambungan dalam meningkatkan budaya pemiagaan yang lebih beretika dan memberi keselesaan kepada pengguna sepanjang penganjurian Bazar Ramadan Mampam di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Hulu Selangor.

Keputusan : Lulus .

- Pengarah Jabatan Pelesenan mencadangkan untuk menggunakan khemah (20'x20') bagi Tapak bazar Ramadan JRD, Batang Kali dan Jalan Seroja, Bukit Sentosa.
- Kadar caj Bazar Ramadan perlu diperhalusi untuk caj sewaan khemah di Jabatan Pelesenan.
- Tuan Yang Dipertua meminta Jabatan Pelesenan untuk mengadakan suatu lawatan ke Majlis Daerah Tanjong Malim yang telah membuat setiap tahun dan mempunyai pengalihan.
- Tuan Yang Dipertua meminta Kadar caj sewaan khemah dan implikasi kewangan perlu dibentangkan dalam mesyuarat penuh MPH5 bulan November.

MUKA SURAT 24

Iklan permohonan tapak Bazar Ramadan Mampan




BAZAR RAMADHAN MAMPAN 2023 / 1444H
MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR



LOKASI BAZAR RAMADHAN	BAYARAN PETAK (RM)
TAPAK PENJAJA JRD, JALAN ARA, BATANG KALI (KHEMAH SAIZ 20 X 20 DISEDIAKAN OLEH PIHAK MPHS)	300.00
TAPAK PASAR MALAM, BUKIT SENTOSA (KHEMAH SAIZ 20 X 20 DISEDIAKAN OLEH PIHAK MPHS)	300.00
TAPAK PASAR PAGI TAMAN SERI, BATANG KALI	200.00
TAMAN CEMPAKA, SERENDAH	200.00
ANTARA GAPI, SERENDAH	200.00
JALAN SEROJA, BUKIT SENTOSA	200.00
JALAN TELIPOT, BUKIT SENTOSA	200.00
JALAN KANTAN, BUKIT BERUNTUNG	200.00
SEBELAH MEDAN SELERA, SUNGAI BUAYA	200.00

PERMOHONAN DIBUKA : 05 JANUARI 2023
PERMOHONAN DITUTUP : 05 FEBRUARI 2023
KEPUTUSAN PERMOHONAN : 23 FEBRUARI 2023
TARIKH PEMBAYARAN : 23 FEBRUARI-03 MAC 2023

- Permohonan secara dalam talian (online) sahaja di <http://bazar.mdhs.gov.my:8888/ebazar/>
- Caj Proses RM10.00
- Tambahan RM50.00 bagi jualan Air Tebu / Air Kelapa / Bakar / Panggang / Goreng
- Caj Pematuhan RM300.00 /Peniaga
- Maksimum Dua (2) Petak Setiap permohonan
- Keutamaan kepada Penduduk Tempatan Hulu Selangor

SEBARANG PERTANYAAN BOLEH MENGHUBUNGI
JABATAN PELESENAN DI TALIAN 03-60641331 ext 131/159/160

sila imbas untuk permohonan permit




LAMPIRAN 4


Sistem E-Bazar dalam portal Majlis Perbandaran Hulu Selangor



SEBELUM PENGGUNAAN SISTEM



SELEPAS PENGGUNAAN SISTEM



LAMPIRAN 6

kaedah verifikasi Punca

Faktor manusia

Bil	Punca masalah	Analisa	Keputusan
1.	Kesesakan di kaunter	Keadaan di kaunter yang kecil	x
2.	Tenaga kerja sumber manusia dari Jabatan Luar	Kakitangan tidak mencukupi bagi melaksanakan semakan permohonan/ undi petak bazar	x
3.	Membuat permohonan di saat akhir dan sambil lewa	Kesukaran untuk semakan borang permohonan kerana ramai	x

faktor persekitaran

Bil	Punca Masalah	Analisa	Keputusan
1.	Ruang kaunter terhad	Kaunter hanya mampu menerima 2 orang 1 masa	x
2.	Ruang pejabat terhad untuk simpan penyimpanan borang	Borang permohonan tiada tempat untuk diletakkan	x
3.	Kaunter yang bisig dan riuh	Kaunter bunyi bergema dan bising apabila ramai orang datang	x

LAMPIRAN 7

faktor bahan

bil	punca masalah	analisis	keputusan
1.	peralatan jabatan terhad	barang yang sedia ada kadang-kadang kehabisan stok	x
2.	pelupusan setelah habis bazar ramadan	borang - borang pemohon bazar yang perlu dilupuskan	x
3.	pembaziran borang permohonan bazar	lebih cetakan borang bazar yang tidak terjual	x

Faktor kaedah

bil	punca masalah	analisis	keputusan
1.	proses kerja yang tidak efisien	sebelum ini kerja - kerja yang perlu dibuat untuk permohonan bazar agak kelam kabut	/
2.	penggunaan sistem bayaran yang tidak efisien	pembayaran bil dilakukan di kaunter tukar kepada atas talian	x
3.	pengeluaran permit dan carian maklumat secara manual	permit dahulu perlu di print oleh jabatan pelesenan	/
4.	jumlah tapak yang tidak terjual dalam tempoh yang ditetapkan	susah mengenal pasti petak yang kosong	x

LAMPIRAN 8

Teknik Pro dan Kontra

kumpulan telah membuat keputusan untuk membangunkan sistem dan melantik vendor untuk membuat sistem tersebut.

punca masalah	cadangan alternatif	pro	kontra	keputusan
proses kerja yang tidak efisien	permohonan manual kepada sistem atas talian	-memudahkan proses permohonan peniaga bazar. -menyingkatkan masa permohonan permohonan -mengurangkan kes kehilangan permohonan/ kesalahan isi borang.	kos membangunkan sistem E-Bazar	setuju
pengeluaran permit dan carian maklumat secara manual	pengeluaran permit dan carian maklumat secara atas talian	-pengeluaran lebih mudah kerana pemohon boleh cetak permit sendiri. -pembetulan dan kemaskini maklumat pemohon dibuat di sistem E-Bazar.	-tidak perlu staff untuk membuat kerja lebih masa untuk semakan permohonan	setuju

LAMPIRAN 9

KOS UNTUK MANUAL vs E-BAZAR

Kos untuk 1 Permohonan Petak Bazar Ramadan yang dikeluarkan oleh Organisasi

Item	Kos (RM)	
	Manual	E-Bazar
Percetakan	0.03	-
Kertas	0.02	-
Pos	4.90	-
Sampul	1.00	-
Jumlah	5.95	0

Kos untuk 610 Petak Bazar

= RM 5.95 X 610 = 3,629.50/ Petak setahun

Kos penyelenggaraan sistem dibayar RM sekali

Kos untuk 1 Permohonan Petak Bazar Ramadan yang dikeluarkan oleh peniaga

Item	Kos (RM)	
	Manual	E-Bazar
<u>Pembelian Borang</u>	2.00	-
<u>Salinan Dokumen</u>	3.00	-
<u>Pemohon dan</u>		
<u>pembantu(3 Jenis)</u>		
<u>Cuci Gambar</u>	12.00	-
Jumlah	17.00	0

LAMPIRAN 10

Hebahan dan Makluman Permohonan Bazar Ramadan Mampan Secara Atas Talian Melalui Keratan Akhbar Selangorkini

selangorkini.my/2022/01/bazar-ramadan-mphs-buka-permohonan-permit-utama-penduduk-setempat/

selangorkini

AGENDA

TERKINI

SELANGOR

RENCANA

LENSA

AKHBAR DIGITAL

PAUTAN

SELANGORTV

Permit bazar Ramadan MPHS dibuka dalam talian mulai 5 Januari

December 25, 2022 10:39 am



OLEH SUHAILA SHAHRUL ANNUAR

SHAH ALAM, 25 DIS: Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) membuka permit Bazar Ramadan Mampam secara dalam talian bermula 5 Januari hingga 4 Februari 2023.

MPHS memaklumkan sebanyak sembilan lokasi Bazar Ramadan Mampam disediakan tahun depan dari 22 Mac hingga 21 April dengan bayaran petak antara RM200 hingga RM300.

"Tambahan RM50 dikenakan bagi jualan air tebu, air kelapa serta juadah bakar, panggang atau bergoreng.

"Lokasi bazar Ramadan adalah di tapak penjaja JRD Jalan Ara, Batang Kali, tapak pasar malam, Bukit Sentosa dan tapak pasar pagi Taman Seri, Batang Kali.

"Selain itu, Taman Cempaka dan Antara Gapi, Serendah, Jalan Seroja dan Jalan Telipot, Bukit Sentosa, Jalan Kantan, Bukit Beruntung dan sebelah medan selera Sungai Buaya," kata agensi itu di Facebook.

Menurut MPHS permohonan adalah secara dalam talian sahaja di <http://bazar.mdhs.gov.my:8888/ebazar/> dan keputusan permohonan akan dikeluarkan pada 23 Februari 2023.

"Maksimum dua petak untuk setiap permohonan dan keutamaan kepada penduduk tempatan Hulu Selangor.

Pejabat bergerak MBSSA der Plaza Masalam Sabtu ini

March 30, 2023

Padah tambak tanah secara pemilik lot dikompaun, lalu ditutup

March 30, 2023

Siaran langsung amanat ME SelangorTV esok

March 30, 2023

Permohonan naik 35 peratu tambak tiga lokasi bazar Ra

March 30, 2023

Program 'Moreh@PJ Love Y juadah tak habis jual di bazi

March 30, 2023

LANGGAN SELANGOR

Alamat e-mel anda

SEBELUM PENGGUNAAN SISTEM	SELEPAS PENGGUNAAN SISTEM
Pemohon 1. Penggunaan minyak -	Pemohon 1. Tiada sebarang kos tambahan

RM10.00/KM 2. Ambil gambar dan cuci gambar - $RM2.00 \times 2 \text{ keping} \times 1 \text{ pemohon} = RM4.00$ a. Sekiranya ada pembantu(harga untuk setiap pembantu) - $RM2.00 \times 2 \text{ keping} \times 1 \text{ pembantu} = RM4.00$ 3. Pembelian borang = RM2.00 4. Salinan dokumen = 3 jenis dokumen x $RM0.30 \times 1 \text{ pemohon} = RM0.90$ a. Sekiranya ada pembantu (harga untuk setiap pembantu) - 3 dokumen x $RM0.30 \times 1 \text{ pembantu} = RM0.90$ 5. Masa : Perlu hadir ke MPHS lebih daripada 1 kali. a. Kali pertama : Pembelian borang b. Kali kedua : Hantar borang tetapi dokumen tidak lengkap c. Kali ketiga : Hantar dan lengkap	a. Tidak perlu hadir berulang kali ke kaunter MPHS b. Tidak perlu cuci gambar c. Tidak perlu membuat salinan dokumen
---	---

ii. Kos pengurusan operasi dapat dikurangkan(*letak kiraan kos yang terlibat*)

SEBELUM PENGGUNAAN SISTEM	SELEPAS PENGGUNAAN SISTEM
kos penggunaan kertas 1 borang permohonan = 4 helai kertas digunakan penggunaan alat tulis - plastik laminate - pen/ pensil peningkatan bayaran tuntutan lebihan masa kakitangan	Tiada penggunaan kertas - permohonan menggunakan sistem Tiada penggunaan alat tulis samasa permohonan dan selepas kelulusan permit bazar - permohonan dan kelulusan menggunakan sistem Dapat mengurangkan bayaran tuntutan lebihan masa kakitangan - kerja - kerja semakan serta pengeluaran bil dan permit menggunakan sistem.

KRITERIA SPB-PBT	SUB- KRITERIA	INDIKATOR	SUB- INDIKATOR	KETERANGAN	PENILAIAN	WAJARAN	WAJARAN MARKAH	DOKUMEN / REKOD YANG DISEMAK
1)	1.2	1.2.1	(i)	Kutipan hasil secara on-line (<i>internet banking</i>)/ <i>PBTpay/ e-wallet</i>	* Ada melaksanakan kutipan hasil secara online - 0.25 * Tiada melaksanakan kutipan hasil secara online - 0.00	0.25		Bukti pelaksanaan on-line-system yang digunakan (cetakan screen shot), minit mesyuarat, kertas kerja
1)	1.2	1.2.1	(ii)	Pengurusan kewangan berkomputer	* Ada melaksanakan pengurusan kewangan berkomputer - 0.25 * Tiada melaksanakan pengurusan kewangan berkomputer - 0.00	0.25		Lihat sistem yang digunakan (e- PBT, Sistem Perakaunan Bersepadu)